

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/12/2012

Malaysia selamat kerana kerajaan ikhlas dan cekap

UM - 11/12/12
CYBERJAYA 10 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kejujuran dan keikhlasan kerajaan dalam pentadbiran serta kecekapan kutipan cukai merupakan faktor utama yang menyelamatkan negara ini daripada krisis ekonomi yang berlaku di Afrika, Amerika Syarikat (AS), Eropah dan Asia Barat.

Dr. Mahathir berkata, amalan rasuah dan kegagalan sesetengah kerajaan mengutip cukai secara jujur telah menyebabkan banyak negara terjerumus ke dalam masalah politik dan ekonomi yang berpanjangan.

"Greece mufliis kerana kutipan cukai yang amat kecil di situ, rakyatnya pula mahu hidup mewah seperti penduduk di negara-negara Eropah Barat yang lebih kaya.

"Kerajaan Greece berhutang untuk beri gaji yang tinggi dan menawarkan pelbagai benda termasuk cuti yang panjang kepada rakyat, mereka akhirnya mufliis," katanya dalam program Bicara Bersama Negarawan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, masalah ekonomi yang berlaku di AS dan Eropah pula berhubung kait dengan penyelewengan dalam sistem perbankan yang memberi terlalu banyak pinjaman sehingga gagal dikutip balik.

"Pegawai bank di sana dibayar bonus sekiranya mereka dapat memberi pinjaman yang banyak, tetapi masalah timbul apabila bank berkenaan gagal memungut hutang-hutang itu," katanya.

Dr. Mahathir berkata, rasuah dan kegagalan mengutip cukai juga merupakan punca yang menyebabkan berlakunya gelombang Arab Spring di Asia Barat.

"Saya pernah bertemu dengan seorang menteri dari negara Arab yang menceritakan bahawa beliau tidak pernah membayar cukai dan rakyatnya juga jarang bayar cukai, negara ini tidak boleh membangun dan rakyatnya menderita.

"Gelombang Arab Spring atau musim membunuh di Arab berlaku kerana rakyat situ tidak menerima nikmat daripada kerajaan," katanya.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia bagaimanapun mempunyai keadaan yang berlainan dengan negara-negara tersebut kerana memiliki kecekapan dalam pungutan hasil.

"Oleh kerana tidak banyak rasuah dan pungutan cukai yang baik di negara ini, entiti perniagaan mampu mendapat keuntungan dan mereka akhirnya akan membayar hasil kepada kerajaan.

"Gaji penjawat awam telah naik berbanding zaman saya, gaji dapat dinaikkan kerana rasuah kurang dan kita dapat mengutip cukai secara berkesan," katanya.

Beliau bagaimanapun mengakui, amalan rasuah adalah sukar dihapuskan sepenuhnya walaupun tindakan keras seperti hukuman mati dikenakan ke atas pesalah.

"Apa yang penting adalah jenayah ini mesti diminimumkan dan memastikan ia tidak sampai ke tahap rasuah diterima secara terang-terangan," katanya.